

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : U1, U2, U3, U4
TARIKH KUAT KUASA : 1 DISEMBER 2024

- | | |
|---------------------------------------|--|
| SYARAT LANTIKAN | <p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> <p>(Gaji permulaan ialah pada Gred U1: RM1,500.00).</p> |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | <p>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</p> |
| PROGRAM TRANSFORMASI MINDA | <p>3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</p> |
| PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | <p>4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <p>(a) memenuhi tempoh percubaan;</p> <p>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |
| KENAIKAN PANGKAT KE GRED U2 | <p>5. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U2 yang kosong apabila telah:</p> <p>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</p> <p>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</p> <p>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |
| KENAIKAN PANGKAT KE GRED U3 | <p>6. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 yang kosong apabila telah:</p> <p>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;</p> <p>(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED U4**

7. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U4 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).